




SELAMAT DATANG ... Pairin disambut oleh pelajar Sarjana Pendidikan (Kurikulum) UMS.



PAIRIN disambut oleh pelajar SK. Rompon yang mengikuti program itu.

# UMS terus main peranan jelajah seluruh pelusuk Sabah

NST 18.12.2012 18

OLEH MARUTIN ANSIUNG  
(marutin@newsabahtimes.com.my)

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS), terus memainkan peranannya sebagai penjana dan pemangkin pendidikan bukan sahaja dalam kampus tetapi programnya terus menjelajah ke seluruh pelusuk Sabah, dengan menjalankan Program Outreach di kawasan-kawasan terpencil seperti di negeri ini.

Pada 13-16 Disember lepas, satu lagi Program Outreach Rompon Tambunan yang dianjurkan UMS memberi kesan mendalam terhadap masyarakat luar bandar, dalam usaha menjana bersama kemajuan dalam bidang pendidikan.

Justeru, dengan matlamat membantu pelajar luar bandar lebih terdedah dengan peluang yang ada dalam bidang pendidikan, maka UMS mengadakan Program Outreach yang dikelolakan oleh lebih 50 pelajarnya terdiri daripada pelajar Sarjana Pendidikan (Kurikulum) UMS bagi menyelami kehidupan masyarakat di luar bandar di samping memberikan motivasi kepada

da pelajar-pelajar termasuk golongan belia dan ibu bapa di kawasan terpencil.

Program jelajah pendidikan ini diketuai oleh Pengarah Program Dg. Rukkayah Ag. Mahmun dengan kerjasama, Pejabat Daerah, Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat Tambunan, Program Sarjana Pendidikan (Kurikulum) UMS dan Persatuan Warga Prihatin.

Turut serta dalam program itu, Hospital Daerah Tambunan, Pasukan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Rompon.

Penyelaras program Outreach Rompon Tambunan yang juga Ketua Unit UPPLB, UMS Dr. Khalid Johari, berkata tujuan utama program adalah salah satu usaha perkongsian pintar antara UMS dengan masyarakat di luar bandar, yang sukar mendapat kemudahan dan maklumat berkaitan dengan peluang-peluang pendidikan masa kini.

Katanya, pelbagai aktiviti diadakan sepanjang empat hari tiga malam berada di Kg. Rompon Tambunan yang didiami oleh suku kaum Dusun dan dilengkapi dengan kemu-

dahan bekalan elektrik dan bekalan air bersih.

Program pada hari pertama dibuka dengan pendaftaran peserta, "Ice Breaking" dan taklimat dan disusuli dengan "Learning Science" dan "Parenting Skills", Learning Math 1", Kerjaya yang difokuskan kepada belia dan Taklimat Perusahaan Lebah Madu yang difokuskan kepada masyarakat setempat pada hari kedua.

Pada hari ketiga diadakan "Learning English" yang difokuskan kepada pelajar dan Organisasi dan Nilai Kebudayaan bagi golongan belia dan Taklimat Peladang.

Hari berikutnya pula diadakan "Learning Math 2", Kreativiti Remaja dan taklimat Penternakan Udang Galah.

Selain itu aktiviti riadah juga turut diadakan seperti sukan bola sepak, bola jaring, bola tampar dan sukan rakyat bagi memupuk perpaduan dan semangat kerjasama di kalangan warga UMS dan masyarakat setempat.

Menurut Dr. Khalid, sambutan warga sekolah, penduduk dan murid amat membanggakan sepanjang program dan aktiviti berjalan," katanya.

Majlis penutupan program yang berasaskan ilmu itu disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Pairin Kitingan yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah.

Pairin yang juga Ahli Parlimen Keningau dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tambunan dalam ucapannya berkata, Program Outreach UMS yang diadakan berterusan dan memfokuskan masyarakat di luar bandar adalah program yang amat berfaedah dalam transformasi pendidikan luar bandar.

Katanya, usaha murni seumpama ini perlu disambut baik oleh semua pihak kerana ia memberi kebaikan kepada masyarakat keseluruhannya terutama dalam pembangunan pendidikan di luar bandar.

Majlis penutupan program dimeriahkan lagi dengan pelbagai persembahan tarian tradisional masyarakat setempat termasuk tarian 1Malaysia yang dipersembahkan oleh belia Kg. Rompon.

Hadir sama Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) Tambunan, Ketua-Ketua Jabatan dan pemimpin-pemimpin masyarakat.



PAIRIN menyampaikan sijil kepada wakil peserta murid SK. Rompon yang mengikuti program itu.



PAIRIN menyampaikan sijil kepada wakil peserta belia yang mengikuti program itu, sambil disaksikan Dr. Khalid (tiga dari kanan).



MURID-murid SK. Rompon yang mengikuti Program Outreach UMS.



BELIA Kg. Rompon yang turut mengikuti program itu.